

PM umum rombak Kabinet Jun ini

KUALA LUMPUR, Sabtu — Barisan Kabinet baru yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri Jun ini diharapkan sanggup meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka, tanpa berpura-pura dan rasuah, selaras dengan dasar dan falsafah pemerintahan sekarang.

Satu tinjauan pendapat umum menjelang rombakan ini menunjukkan rakyat juga mengharapkan setengah-setengah Menteri akan ditukarkan jawatan atau diberhentikan.

Akhbar Umno, *Merdeka*, keluaran pertama untuk bulan ini menyatakan rakyat merasakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu mengekalkan kedudukan seseorang menteri semata-mata berasaskan simpati atau kerana khuatir akan reaksi serta kesan politik.

Menurut tinjauan itu, ramai juga golongan yang mahukan Perdana Menteri mewujudkan barisan Kabinet yang mengadunkan tenaga lama dan baru, dengan syarat mereka *layak, bersih dan berkemampuan*.

"Ramai berpendapat bahawa perhitungan rapi mengenai segala aspek seseorang yang akan dinaikkan adalah perlu supaya muka-muka baru diberi peluang berlatih merangkak di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa Hitam.

"Suara rakyat juga mengharapkan supaya pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional tidak akan tawar-menawar mengenai siapakah dari parti mereka perlu dinaikkan," kata *Merdeka*.

Menurut laporan itu lagi, para pemimpin itu diminta supaya tidak mensifatkan sebarang jawatan Menteri yang dikosongkan oleh seseorang dari partinya sebagai hak mereka yang seharusnya diisi oleh seseorang dari parti itu juga.

Mengenai kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah yang dilaporkan oleh majalah luar negeri beliau akan digugurkan sebagai Menteri Kewangan, Perdana Menteri berkata, "majalah itu selalu membuat laporan kurang tepat."

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menafikan kemungkinan rombakan kali ini merupakan terbesar. "Tengoklah nanti," katanya.